

**TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PESERTA  
PROGRAM MEMBUAT KOMPOS SISA ORGANIK  
DAPUR CIMB BANK,  
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR TAMAN BAGAN LALANG,  
JAM 10.00 PAGI ,  
30 SEPTEMBER 2012 (AHAD)**

---

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

**Yang Berusaha Puan Norrizah binti Abdullah**

Pengurus CIMB Bank Cawangan Taman Selat , Butterworth

**Yang Dihormati Encik Chan Poh Kang**

Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara

**Yang Dihormati Encik Ng Toh Heng**

Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Tengah

**Peserta-peserta Program Membuat Kompos Sisa Organik CIMB  
Bank**

**Rakan-rakan media**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan  
Salam Sejahtera,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pertama sekali, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri Majlis Penyampaian Cenderahati kepada Peserta Program Membuat Kompos Sisa Organik Dapur CIMB Bank pada pagi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada CIMB yang telah menaja program ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam Program Membuat Kompos Sisa Organik CIMB Bank kerana membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan seterusnya membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya dimaklumkan seramai 150 peserta menyertai program ini yang dirasmikan oleh YB Tuan Phee Boon Poh pada 8 Julai 2012 yang lalu dan sebanyak 126 peserta telah berjaya dalam program ini iaitu 84%. Hasil daripada program ini yang telah berlangsung selama 8 minggu, sebanyak 5,082.3 kg sisa dapur berjaya dikutip. Ini merupakan permulaan yang bagus dan diharapkan ia dapat diteruskan. Tahniah kepada semua. Terima kasih juga kepada pihak CIMB Bank atas sokongan yang diberikan dalam menyokong program anjuran MPSP. Oleh itu, orang ramai seharusnya mengambil peluang yang diberikan oleh pihak CIMB Bank ini.

Program Membuat Kompos Sisa Organik yang telah berlangsung di Taman Bagan Lalang adalah selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu:

- Fokus 1: Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2: Mewujudkan Eko-Komuniti

Bagi memastikan matlamat kedua-dua fokus tercapai, pelbagai Program LA 21 lain telah dilakukan seperti:

- Program Kitar Semula - 4R ( Rethink, Reduce, Reuse, Recycle)
- Anugerah Sekolah Hijau [30 buah sekolah (tahun 2010), 36 sekolah ( tahun 2011), 53 buah sekolah (September2012) ].  
Anugerah ini dibahagi kepada Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah
- Program Zero Waste  
Program ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau sehingga September 2012, sebanyak 4 buah sekolah telah menyertai program ini.
- Program Industri Hijau
- Program Keindahan dan Keceriaan Bandar
- Program CSR
- Mud Ball
- Penghasilan sabun daripada minyak terpakai

Tuan-tuan dan puan-puan,

Buat masa sekarang, Program Sisa Sifar (Zero Waste) dijalankan di sekolah-sekolah. Adakah mempunyai kemungkinan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang mengambil bahagian dalam Program Sisa Sifar untuk menjadi taman perumahan pertama di Seberang Perai dimana sifar dari segi pembuangan sampah dan seterusnya menjadi taman perintis kepada taman-taman perumahan yang lain?

Melalui kerjasama yang erat inilah, hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetetif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para peserta dan urusetia Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang kerana berjaya dalam Program Membuat Kompos Sisa Organik tajaan CIMB Bank. Ucapan terima kasih kepada CIMB Bank kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih